

Sibu perlu perkukuh pelancongan, budaya, kelestarian

Bandar ini diseru bersedia sambut kedatangan pelawat dari dalam dan luar negara sempena TMM 2026

Oleh Watt Zacchaeus

SIBU: Bandar ini diseru untuk bersedia menyambut kedatangan pelawat dari dalam dan luar negara sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026, dengan memperkukuh sektor pelancongan, budaya dan kelestarian sebagai teras pembangunan bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Michael Tiang berkata, TMM 2026 merupakan peluang keemasan untuk Sibu memperkenalkan identiti dan keunikan bandar ini kepada dunia.

“Sibu mesti bersedia untuk menyambut dunia. Dari Pasar Sentral yang ikonik hinggalah kepada warisan budaya yang kaya, kita mempunyai banyak tarikan yang mampu memikat hati pengunjung,” katanya ketika berucap mewakili Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian pada

“Sibu mesti bersedia untuk menyambut dunia. Dari Pasar Sentral yang ikonik hinggalah kepada warisan budaya yang kaya, kita mempunyai banyak tarikan yang mampu memikat hati pengunjung.”

Datuk Michael Tiang

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2026 anjuran Majlis Perbandaran Sibu (MPS) di sebuah hotel terkemuka di sini malam kelmarin.

Beliau menegaskan bahawa pengiktirafan yang diterima Sibu sebelum ini membuktikan bandar itu berada di landasan tepat untuk muncul sebagai destinasi pilihan.

Antaranya, kata Tiang adalah kejayaan meraih gelaran Bandar Pelancongan Bersih ASEAN serta pengiktirafan sebagai Bandar Lestari di bawah indikator kebangsaan.

Katanya lagi, pencapaian tersebut bukan sekadar simbolik, sebaliknya mencerminkan komitmen berterusan majlis, komuniti dan kerajaan dalam memastikan Sibu kekal bersih, hijau dan berdaya huni.

“Apabila kita bekerja bersama iaitu melibatkan majlis, komuniti dan kerajaan, kita mampu mencapai kejayaan yang membanggakan. Inilah semangat yang perlu kita bawa ke tahun 2026,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelawan.



RAIKAN BERSAMA: Tiang (tujuh kanan), Lau (lapan kanan), Clarence (enam kanan) serta kenamaan lain melakukan upacara ‘Yee Sang’ pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2026 anjuran MPS di Sibu pada malam kelmarin.

Dalam pada itu, beliau memberitahu aspek budaya turut diberi penekanan sebagai antara kekuatan utama Sibu.

Penganjuran acara seperti Festival Kebudayaan Borneo tegasnya lagi, dilihat mampu menjadi platform mempromosikan kepelbagaian etnik dan tradisi unik yang menjadi identiti bandar berkenaan.

“Selain itu, usaha ke arah pendigitalan melalui pelaksanaan sistem parkir pintar dan inisiatif Smart City Early Adopter diyakini dapat meningkatkan pengalaman pelawat serta memperkukuh kecekapan perkhidmatan bandar,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan komitmen MPS untuk terus mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam dengan

memberi tumpuan kepada kebersihan, penyelenggaraan kemudahan awam dan kesajahteraan komuniti.

“Kita bukan sahaja mahu menarik pelancong, tetapi memastikan mereka pulang dengan pengalaman yang indah dan kenangan manis tentang Sibu,” tambahnya.

Hadir sama ialah Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat merangkap Ahli Parli-

men Lanang Alice Lau, dua Setiausaha Politik Premier Sarawak William Anut dan Joshua Ting, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Desmond Douglas Jerukan, Pengerusi MPS Clarence Ting, Setiausaha MPS Henry Jalin Watt dan pengerusi pengelola Kaunselor Rory Wong.